

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY
TARIKH : 15.03.2018
SOALAN : NO. 57

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (a) perbezaan antara dua sistem penarafan - Asia University Rankings dan QS World University Rankings – yang memberikan kedudukan berbeza kepada Universiti Malaya (UM), masing-masing di tangga ke-46 dan ke-114; dan
- (b) sejauh manakah komitmen Kementerian bagi meningkatkan kualiti sistem pendidikan tinggi negara supaya universiti-universiti awam mencapai kedudukan yang lebih tinggi dalam ranking universiti antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa sistem penarafan pendidikan tinggi di peringkat antarabangsa yang diterima pakai secara meluas oleh institusi pendidikan tinggi global seperti QS *World University Rankings* (QSWUR), *Times Higher Education World University Rankings* (THE), *US News* dan *Shanghai Academic Ranking of World Universities*. Setiap sistem penarafan memberikan penarafan dari perspektif yang pelbagai termasuk *ranking* bersifat serantau, *ranking* untuk subjek/bidang dan *ranking* universiti baharu. Penarafan berdasarkan perspektif ini adalah penting dalam membuat penilaian adil

kepada universiti yang mempunyai latar belakang berbeza dari aspek tempoh penubuhan, faktor ekonomi, demografi berbeza dan lain-lain.

Perkara ini menerangkan perbezaan kedudukan Universiti Malaya (UM) dalam QSWUR dan *QS University Rankings: Asia* (QSURA) di mana kedua-dua penarafan ini mempunyai kriteria penilaian yang berbeza dan jumlah universiti yang dinilai juga adalah berbeza. Untuk penarafan QSWUR, sebanyak 26,000 buah institusi yang dinilai manakala untuk penarafan QSURA sebanyak 11,600 buah institusi dinilai. Di samping itu, QSURA mempunyai kriteria tambahan dalam penilaian mereka iaitu reputasi majikan, jumlah pertukaran pelajar asing, jumlah pertukaran pelajar tempatan ke luar negara dan jumlah kakitangan berkelayakan PhD.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sangat komited bagi memastikan universiti tempatan terus berada dalam kedudukan terbaik di dunia. KPT mensasarkan dua universiti awam berada di kedudukan 100 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2025. KPT yakin UM akan berjaya tersenarai sebagai 100 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2019 iaitu enam tahun lebih awal berbanding sasaran.

Usaha juga terus dipertingkatkan bagi memperkukuhkan kedudukan universiti awam lain di peringkat antarabangsa antaranya mempertingkatkan aktiviti penyelidikan berimpak tinggi, bekerjasama dengan institusi antarabangsa yang bereputasi tinggi serta memperluaskan jaringan kolaborasi bersama industri/agensi lain terutamanya di peringkat antarabangsa.